

Pendapatan lumayan usahawan puyuh

B.H 30/01/09 M.S.B

Mohd Khairul Izwan manfaat Skim Pembiayaan Ekonomi Desa-i daripada Bank Rakyat

Oleh Amir Mamat
amirapis@bharian.com.my

KIRA-kira sembilan tahun lalu, Mohd Khairul Izwan Selamat, 30, adalah seorang Penolong Pegawai di Kolej Yayasan Melaka (KYM). Namun, selepas lima tahun berkhidmat, beliau nekad untuk berhenti kerja bagi memberi tumpuan kepada minatnya dalam bidang penternakan puyuh.

Bermodalkan RM10,000, anak muda kelahiran Durian Tunggal, Alor Gajah Melaka ini memberanikan diri meneroka bidang baru itu. Memang benar kata orang, untuk berjaya banyak rintangan perlu dihadapi dan itulah yang terpaksa dilaluinya.

Tapi itu bukan halangan buat Mohd Khairul. Dia tekad untuk maju dan berjaya. Nyata impiannya menjadi kenyataan apabila usahanya itu membuahkan hasil sehingga beliau mampu meraih pendapatan antara RM15,000 hingga RM20,000 sebulan menerusi jualan daging puyuh kepada peniaga restoran, pasar serta peniaga kedai makan.

Menyingskap sejarah kejayaan usahawan muda ini, Mohd Khairul ketika ditemui berkata perniagaannya ber-



“Menerusi penyelidikan ini, saya dapati daging puyuh ini mengandungi kadar kolesterol lebih rendah berbanding ayam, selain kandungan zat yang tinggi”

Mohd Khairul Izwan Selamat
Usahawan

mula pada 2002 apabila syarikatnya yang dinamakan Puyumas Farmbest mula melakukan kajian dan pengumpulan data maklumat secara terperinci mengenai teknologi penternakan puyuh daging.



MOHD KHAIRUL IZWAN memeriksa puyuh yang ditenaknya.

Kajian itu termasuk mengenai teknologi pemprosesan, pengedaran dan pembekuan. Dalam masa sama, beliau turut melakukan pelbagai tinjauan mengenai harga pasaran dan strategi pelan pemasaran.

“Menerusi penyelidikan ini, saya dapati daging puyuh ini mengandungi kadar kolesterol lebih rendah berbanding ayam, selain mempunyai kandungan zat yang tinggi. Perkara ini disahkan juga oleh Institut Kemajuan Ternakan Ayam (IKTA).

“Ini mendorong saya ber-

usaha untuk mempelajari cara menternak dan menetas telur haiwan ini dengan cepat disamping mengurangkan tahap kematian haiwan berkenaan,” katanya.

Projek yang dinamakannya Projek Teroka Puyuh Pendaqing Secara Komersial itu dilakukannya bagi menyelidik satu modul standard diberi nama Puyumas Farmbest Standard Performance bagi meningkatkan lagi produktiviti secara komprehensif.

Ia adalah satu modul panduan bagi pengurusan penternakan bersistematik dan

teratur dengan menitikberatkan proses perindukkan dan pembesaran (berorientasikan formula), penyembelihan, pemprosesan, pembungkusan dan penyejukan, pengedaran dan pelabelan serta pengeluaran dan pemasaran yang berperingkat dan berstrategi.

Mohd Khairul Izwan berkata, berdasarkan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D), ternakan berkenaan mampu membesar dengan pantas iaitu seberat 220 gram pada usia 28 hari dan berat bersih adalah 150-160 gram untuk seekor puyuh.

Bagi menjayakan usahanya ini, beliau tidak bersendirian kerana Bank Rakyat tampil membantu. Menerusi bantuan bank berkenaan melalui produk Skim Pembiayaan Ekonomi Desa-i (SPED), beliau memulakan langkah dengan membina bangsal serta kilang memproses burung.

Selain itu, modal pusingan yang diberikan bank terbabit berjumlah RM80,000 itu juga digunakannya sebagai pusingan bagi memantapkan operasi perniagaannya.

Dari segi pasaran, beliau berjaya memasarkan hasil ternakan berjumlah RM28,000 sebulan bersamaan 35,000 ekor bagi setiap pusingan.

Namun jumlah itu masih belum mencapai sasaran diperlukan iaitu sebanyak 70,000 sebulan bersamaan 105,000 ekor setiap pusingan.

“Sebab itu saya terpaksa menyewa sebidang tanah berhampiran bangsal sedia ada seluas kira-kira 1.6 hektar untuk menambah kawasan penternakan, sekali gus merealisasikan sasaran saya itu,” katanya.

Susulan kejayaan yang dicapai Mohd Khairul Izwan dalam bidang berkenaan, beliau menerima pelbagai anugerah sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan.

Antaranya, Anugerah Peladang Jaya peringkat negeri 2006, Anugerah Usahawan Mara peringkat negeri 2006, Anugerah Usahawan Mara peringkat kebangsaan 2007 dan Anugerah Usahawan Peladang Jaya peringkat negeri 2008.